

27 SEP 1996
Mahathir-EAEC
EAEC BELUM BERKUBUR, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 27 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) belum berkubur dan ia akan dibentuk sebaik saja Amerika Syarikat menghentikan bantahannya.

"Ia belum mati...jauh sekali daripada berkubur," kata Perdana Menteri ketika diwawancara di New York dalam rancangan Business Asia menerusi Cable News Network (CNN) yang disiarkan oleh RTM1 dan TV3 semalam. Dr Mahathir berada di sana untuk menghadapi Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu.

Pengacara Fred Katayama telah bertanya beliau mengenai pembentukan EAEC memandangkan Amerika Syarikat masih membangkang.

Perdana Menteri berkata mesyuarat Asia-Eropah (ASEM) di Bangkok awal tahun ini sebenarnya merupakan perbincangan EAEC dengan Eropah.

Dr Mahathir telah mencadangkan penubuhan EAEC pada 1990 untuk menggalakkan kerjasama perdagangan di kalangan negara-negara Asia.

Dalam wawancara itu, Dr Mahathir juga melahirkan harapan agar Myanmar akan menjadi anggota ASEAN secepat mungkin.

"Saya berpendapat Burma (Myanmar) akan menjadi anggota penuh tidak lama lagi, dan ia sepatutnya menjadi anggota penuh secepat mungkin," katanya.

Menurut beliau kerajaan percaya bahawa dengan mengadakan perhubungan dan menunjukkan kepada Myanmar apa yang dapat dilaksanakan di negara lain, ia akan mengubah sebahagian daripada sistemnya.

Ketika ditanya mengenai pendirian Amerika berhubung dasar hak asasi manusia di Myanmar, Dr Mahathir berkata ia tidak dapat diselesaikan dengan mengancam negara itu.

"Dasar hak asasi tidak boleh diperbetulkan semata-mata dengan mengancam orang. Penyertaan, pada pendapat kami, lebih berkesan," katanya.

Mengenai langkah yang dapat dilakukan untuk menyusun semula PBB, Dr Mahathir berkata badan dunia itu perlu mengubah sistem yang memberi hak kepada "pemenang" Perang Dunia Kedua mendapatkan kerusi tetap dalam Majlis Keselamatan dan mempunyai kuasa veto.

"...pemenang perang dulu menuntut hak mutlak untuk mengenakan veto terhadap semua, menjadi anggota tetap...ini sejarah, kita harus lupakannya," kata beliau sambil menyifatkan sebagai tidak munasabah dan tidak demokratik sebuah negara boleh mengenakan veto terhadap 184 negara lain.

Dr Mahathir berkata PBB sepatutnya mengamalkan sistem berlainan yang membolehkan, umpamanya veto dikuatkuasakan oleh lebih daripada satu anggota dengan sokongan daripada satu atau dua anggota bukan tetap.

Beliau juga berkata menjadikan Jepun sebagai anggota tetap boleh juga dipertimbangkan.

Ketika ditanya sama ada Setiausaha Agung PBB Boutros Boutros-Ghali harus dilantik untuk satu penggal lagi, Dr Mahathir berkata Boutros-Ghali harus diganti kerana dia tidak begitu peka.

"Contohnya, apabila dia berada di Bosnia ketika pembunuhan memuncak, dia memberitahu rakyat Bosnia bahawa terdapat juga orang dibunuh di tempat lain.

"Ini umpama melawat orang yang sedang mati dan memberitahunya bahawa mati itu tidak mengapa kerana orang lain juga mati," katanya.

Ketika ditanya sama ada beliau bersetuju bahawa Asia tidak seharusnya tertakluk kepada takrif klasik kapitalisme seperti yang ditonjolkan oleh Barat, Perdana Menteri berkata Malaysia berpendapat Barat tidak mempunyai monopoli berhubung kebijaksanaan.

"Kami berpendapat orang lain juga mempunyai keupayaan untuk menggubal pendekatan sendiri terhadap pelbagai masalah," katanya.

Dr Mahathir berkata kerajaan Malaysia tidak bersifat diktator sebaliknya ia merupakan kerajaan yang menganggap ia bertanggungjawab untuk bekerjasama dengan sektor swasta untuk memakmurkan negara.

Mengenai kekurangan tenaga kerja di Malaysia, beliau berkata negara sedang mengurangkan industri yang memerlukan ramai pekerja dan menggalakkan industri berasaskan modal untuk menyelesaikan masalah itu.

Ketika ditanya sama ada Malaysia mempunyai infrastruktur untuk menyokong industri berteknologi tingginya khususnya selepas gangguan besar dalam bekalan elektrik baru-baru ini, Dr Mahathir berkata langkah telah diambil untuk menentukan masalah seperti itu tidak berulang.

Kepada soalan mengenai Dasar Pandang Ke Timur, Perdana Menteri berkata Malaysia akan terus melihat ke Timur dan ke Barat kerana "kami telah melakukan banyak kesilapan sebelum ini dengan hanya melihat ke Barat." --

BERNAMA

NI MAI